

U. M. - 7 APR 1972

KUALA LIPIS 6 April — Bekas ahli Majlis Tertinggi UMNO Dr. Mahathir Mohammad telah mencheritakan pengalamannya bergaul dengan pemimpin2 PAS ketika beliau terpisah dari UMNO dahulu.

Kata-nya, dari pergaluan itu "saya mendapati bahawa slogan PAS untuk memperjuangkan agama, bangsa dan tanah ayer hanya merupakan alat untuk memancing undi sahaja."

Doktor Mahathir memberitahu ini ketika beruchap di-rapat umum Perikatan di-Bukit Betong, 16 batu dari sini malam tadi untuk menyokong calon Perikatan Tan Sri Ghazali Shafie.

kawasan ini, tegas beliau.

Mengenal tuduhan-nya bahawa PAS menjadikan soal agama, bangsa dan negara hanya sa-bagai alat memancing undi, Dr. Mahathir berkata ini jelas terbukti dengan perbuatan mengeneplik slogan itu di-kawasan2 pengundi yang terdiri daripada berbagai bangsa bukan penyokong PAS dengan harapan untuk menarek mereka menyokong PAS.

WANITA

Turut hadir dalam rapat umum itu ialah Tengku Ariff Bendahara Pahang, bekas wakil rakyat kawasan Lipis Dato' Haji Abdul Razak Hussein, Nalb Ketua Pergerakan Wanita UMNO Senator Aishah Ghani dan ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Jelai Enche' Wan Abdul Rahman bin Wan Ibrahim.

Menurut Dr. Mahathir lagi PAS meletakkan calon-nya di-Lipis dengan tujuan untuk menyekat beberapa kerat penyokong2 PAS yang ada di-kawasan itu daripada menyokong calon Perikatan.

"Pemimpin2 mereka sendiri sedar bahawa calon PAS itu tidak akan menang dalam pilihanraya.

Tetapi mengapa PAS meletakkan calon untuk bertanding kalau ia menang sa-kali pun apa yang dia boleh buat di-

MENYESAL

Beliau menyesali sikap parti tersebut yang meletakkan calon-nya sa-tiap ada pilihanraya kecil.

Tujuan mereka hanya untuk menang, dan apa yang hendak di-buat setelah menang tidak pula mereka itu fikirkan, katanya.

Dr. Mahathir menfatkan calon Perikatan dalam pilihanraya kecil Parlimen Lipis, Tan Sri Ghazali Shafie sa-bagai "orang yang paling berkebolehan."

Kata-nya, sejak berlaku peristiwa 13 Mei, Tan Sri Ghazali bersama rakan2 yang lain telah membetulkan keadaan yang tidak betul dalam pertadbiran kerajaan.

Dr. Mahathir berharap pengundi2 di-kawasan itu akan menerima Tan Sri Ghazali Shafie menjadi wakil mereka demi kemajuan dan pembangunan di-kawasan itu dan negara seluruh-nya.